

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini Kerajaan Malaysia dalam memberikan dos booster bagi vaksin COVID-19 kepada penduduk di Malaysia setelah penyelidik mendapati keberkesanan vaksin Pfizer melindungi terhadap jangkitan varian delta adalah 93% sebulan setelah dos kedua dan turun menjadi 53% setelah empat bulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. YB Menteri Kesihatan telah mengumumkan pelaksanaan Program PICK dengan Pemberian Dos Tambahan dan Penggalak (*Booster Dose*) pada 12 Oktober 2021 sebagai salah satu langkah bagi mengawal pandemik.

2. Seajar dengan itu, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV) pada 30 September 2021 dengan berdasarkan bukti-bukti saintifik dalam dan luar negara, pendapat panel pakar perubatan dan kesihatan telah memutuskan bahawa pemberian dos tambahan bagi vaksin COVID-19 mengikut keutamaan adalah seperti berikut :

(i) **Dos ketiga akan diberikan kepada pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*)** seperti pesakit kanser, pesakit yang menjalani pemindahan organ dan lain-lain.

- Dos ketiga ini akan diberikan **sekurang-kurangnya selepas 28 hari menerima dos kedua.**
- Jenis vaksin adalah **sama dengan vaksin primer (*homologous vaccine*)** kecuali jika ada sebarang **kontraindikasi** dan akan ditentukan oleh doktor yang merawat.
- Kumpulan ini **mungkin memerlukan dos tambahan atau penggalak (*booster*)** kemudian namun akan **dimaklumkan dari semasa ke semasa setelah data-data saintifik yang cukup diperolehi.**

(ii) **Dos penggalak (*booster*)** pula diberikan mengikut keutamaan dan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti:

- anggota barisan hadapan;

SOALAN NO : 37

- warga tua berumur ≥ 60 tahun dengan komorbiditi seperti obesiti, diabetes dan lain-lain; dan
- individu yang tinggal atau staf bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*) seperti rumah jagaan warga emas, *nursing home* dan lain- lain).

3. Pada 13 Oktober 2021, YB Menteri Kesihatan telah mengumumkan pemberian dos penggalak (*booster*) secara sukarela dan percuma di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Sejajar dengan keputusan tersebut, Sarawak telah memulakan pemberian dos penggalak (*booster*) pada 13 Oktober 2021 kepada warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas, dan seterusnya diikuti oleh anggota barisan hadapan. Golongan ini akan diberikan dahulu memandangkan mereka terdiri daripada kumpulan berisiko tinggi.

Sekian, terima kasih.